

Kedah dikategorikan sebagai sangat berisiko

ALOR SETAR 17 Dis. - Ancaman bencana alam khususnya banjir lumpur dalam skala besar jika kerakusan pembalakan, perlombongan dan korek pasir tidak dihenti dengan segera diakui Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Malah tanpa berselindung, Ketua Unit Permodelan Alam Sekitarnya, Dr. Hafizan Juahir (gambar) menyifatkan Kedah berada dalam keadaan sangat berisiko untuk dilanda banjir lumpur dalam skala besar kerana kawasan tadahan air yang digondol




untuk pembalakan sangat luas.

Beliau yang pernah mengkaji kesan aktiviti tebus guna tanah di Sungai Muda sehingga 2010 dan kini menyelia kajian peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di sungai sama berkata, kemampuan semula jadi sungai-sungai utama di Kedah kini berada pada tahap rendah.

Menurut Hafizan, penyumbang kepada rendahnya indeks kebolehpayaan sungai-sungai di Kedah dalam menampung pencemaran secara semula jadi disebabkan kerakusan aktiviti pembalakan dan kemudian diburukkan lagi dengan perlombongan serta korek pasir.

Katanya, ini kerana hutan di Gunung Inas, Pedu serta Jeniang yang merupakan kawasan tadahan air dibotak tanpa kawalan, berikutan

 Berdasarkan hasil penelitian, saya merumuskan Kedah dalam keadaan sangat berisiko dilanda bencana alam khususnya banjir lumpur dalam skala yang besar. Tanda awal banjir lumpur sudah pun kita lihat di Pendang dan Sik

DR. HAFIZAN JUAHIR
Ketua Unit Permodelan Alam Sekitar

tiada kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang kini terdedah kepada hakisan.

Memburukkan lagi keadaan, jelas beliau, wujud pula kegiatan perlombongan tungsten dan korek pasir di Bukit Kachi yang mana sisa hasil tebus guna tanah berkenaan disalur terus ke Sungai Badak dan Sungai Pelandok menyebabkan berlaku mendapan teruk.

Jelasnya, keadaan pembalakan di Gunung Inas, Pedu dan Jeniang sekarang hampir sama seperti aktiviti pembalakan tanpa kawalan di Pos Dipang, Perak, sehingga akhirnya membawa kepada terjadinya tragedi banjir lumpur pada 1996 yang membunuh 44 nyawa.

Bagaimanapun, katanya, jika trage-



LONGGOKAN sisa balak yang dibawa arus deras semasa banjir lumpur di Sik ini bukti jelas bahaya pembalakan secara berleluasa.

di sama berlaku di Kedah, kesan kemusnahan dijangka lebih teruk kerana aktiviti pembalakan di negeri itu jauh lebih besar berbanding di Pos Dipang dan ia diburukkan lagi dengan pelbagai aktiviti tebus guna tanah lain.

“Berdasarkan hasil penelitian, saya merumuskan Kedah dalam keadaan sangat berisiko dilanda bencana alam khususnya banjir lumpur dalam skala yang besar. Tanda awal banjir lumpur sudah pun kita lihat di Pendang dan Sik.

“Banjir lumpur di Pendang dan Sik tidak berlaku tanpa sebab. Punca utama kepada mana-mana kejadian banjir lumpur biasanya pembalakan yang tidak terkawal dan keadaan ini sedang berlaku secara berleluasa di Kedah. Kawasan hutan yang dibotak cukup luas.

“Bayangkan tragedi di Pos Dipang yang disebabkan aktiviti pembalakan dalam skala jauh lebih kecil meragut 44 nyawa apa akan berlaku

jika banjir lumpur besar melanda Kedah kerana kegiatan pembalakan di sini jauh lebih menakutkan,” katanya.

Tambah Hafizan, ketiadaan hutan yang sepatutnya menjadi penambat setiap kali hujan menyebabkan proses larut resap tidak berlaku, sebaliknya air hujan berserta lumpur dan sisa balak dalam kelikatan tinggi akan terus mengalir ke sungai dengan halaju tinggi.